

## Ekspo MSN 2018 dedah rakyat kepada sains dan teknologi

Utusan Borneo

7 April 2018

### Ekspo MSN 2018 dedah rakyat kepada sains dan teknologi

Utusan Borneo (Sarawak) 7 Apr 2018 [+5 more](#)

**TEMERLOH:** Minggu Sains Negara (MSN) 2018 menjadi titik permulaan kepada rakyat Pahang khususnya untuk meneroka dan memahami bidang sains dan teknologi dengan lebih serius.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Pahang Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin berkata negara akan ketinggalan jika rakyat khususnya pelajar menolak penggunaan teknologi dan inovasi baharu dalam kehidupan mereka.

“Perkembangan pesat ekonomi digital China dan India hari ini (semalam) merupakan contoh dengan sangat baik untuk membezakan mereka dengan negara Asia lain.


“Jadi kita mengharapkan dengan adanya ekspo yang dilakukan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ini, ia akan mendedahkan lagi rakyat di negeri ini dengan teknologi serta sains,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Minggu Sains Negara 2018 peringkat Pahang 2018 di Dewan Tun Razak di sini semalam, mewakili Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob.

Turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha Mosti Profesor Madya Ramzah Dambul dan Presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif TPM Datuk Ir Mohd Azman Shahidin.

Program Minggu Sains Negara 2018

Advertisement Close



Share stories you love with a free account

peringkat Pahang anjuran Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) dengan kerjasama kerajaan Pahang itu diadakan selama dua hari bermula semalam.

Pelbagai acara menarik diadakan antaranya pameran robotik oleh Sekolah Menengah Sains Tengku Abdullah, Raub dan Sekolah Menengah Sultanah Hajah Kalsom, Kuantan yang memenangi anugerah di peringkat antarabangsa.

Selain itu, ekspo berkenaan turut menampilkan penampilan istimewa Angkasawan Negara Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor, pameran mesin simulasi F1,

dron dan robotik serta pameran sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik. — Bernama

Write a comment...

Print Listen Page View Share Comment Save More

Bump it Dump it